

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

12. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan perniagaan-perniagaan tradisional?
- (a) Adakah dasar-dasar baharu akan dikeluarkan untuk menolong mereka yang menjalankan perniagaan tradisional dalam cabaran sewaan tinggi dan lain-lain faktor?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sering menyokong dan memudah cara perniagaan-perniagaan tradisional di seluruh negeri Pulau Pinang terutama di kawasan warisan George Town. Kerajaan Negeri akan sentiasa menggalakkan perniagaan tradisional ini terus bersaing dengan perniagaan-perniagaan lain.

Antara perancangan yang telah dilaksanakan adalah projek pemuliharaan rumah kedai di Lebuh Kimberly yang dimiliki oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan akan disewakan kepada artisan dan pengusaha barangan tradisional tempatan untuk menjalankan pemprosesan serta mempromosikan barangan / makanan tradisional dan kebudayaan. Projek ini adalah bertujuan untuk membantu dan menyokong para penukang tradisional serta ahli-ahli seni kraftangan untuk terus kekal diwarisi serta dapat menyampaikan pengetahuan dan seni warisan dalam Tapak Warisan Dunia George Town. Projek ini adalah salah satu

usaha untuk menyelamatkan warisan tidak ketara agar terus hidup di Pulau Pinang.

Dasar Kerajaan Negeri dalam mengekalkan perniagaan-perniagaan tradisional adalah dengan menyediakan suatu dasar lesen bertempoh untuk memberikan lesen perniagaan kepada pengusaha-pengusaha perniagaan tersebut. Dasar ini boleh membantu pengusaha melalui pemberian lesen perniagaan yang sah di mana pengusaha boleh menggunakannya bagi mendapatkan sumber-sumber pinjaman atau bantuan melalui jabatan / agensi berkaitan untuk mengembangkan perniagaan.